



Headline: Rugi RM7,799 diperdaya 'kakitangan' BigPay

Publication/Portal: Kosmo

Date: 6 October 2021

Language: Malay

Section: Negara

Page: 16

Rugi RM7,799 diperdaya 'kakitangan' BigPay

LANGKAWI – Seorang Penerbit Rancangan LangkawiFM kerugian RM7,799 apabila wang simpanannya lesap selepas ditipu individu yang menyamar sebagai kakitangan syarikat aplikasi wang, BigPay.

Wan Nur Asyikin W. Azemim, 29, berkata, dia menerima panggilan daripada individu tersebut semasa berada di tempat kerjanya pada pukul 2.59 petang kelmarin.

Menurutnya, individu tersebut memperkenalkan diri sebagai wakil syarikat BigPay sebelum meminta dia berkongsi nombor kod pengesahan transaksi (TAC) yang dihantar kepadanya melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

Ceritanya, dia seperti telah dipukau dan berkongsi nombor TAC tersebut sebanyak enam kali sebelum panggilan ditamatkan selepas kira-kira sejam.

"Individu itu memaklumkan bahawa saya perlu menukar kad BigPay berwarna biru kepada merah selain syarikat itu tidak lagi menjalankan kerjasama dengan syarikat AirAsia," katanya di sini semalam.



Individu itu memaklumkan bahawa saya perlu menukar kad BigPay berwarna biru kepada merah selain syarikat itu tidak lagi menjalankan kerjasama dengan syarikat AirAsia."

Menurutnya, dia menyedari telah ditipu selepas membuat semakan dan mendapati wang berjumlah RM7,799 telah dipindahkan ke akaun lain.

"Semakan mendapati transaksi pertama sebanyak RM4,999 diikuti RM1,800 dan RM1,000 sebelum membuat laporan polis petang semalam," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Langkawi, Asisten Komisioner Shariman Ashari turut mengesahkan pihaknya menerima laporan dibuat pengadu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.